

Konsep Wasatiyyah pelengkap gagasan 1Malaysia

Oleh **DATUK ABD. MANAF AHMAD**

SATU lagi sejarah negara akan dilakarkan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan Konvensyen Wasatiyyah yang akan menjadi pelengkap kepada gagasan 1Malaysianya.

Konvensyen Wasatiyyah yang diadakan bersempena dengan satu milenium kedatangan Islam ke Nusantara akan diadakan selama dua hari bermula hari ini.

Konvensyen yang julung kali diadakan ini bertujuan menjelaskan kepada masyarakat peranan dan pengaruh Islam yang telah lama bertapak di Malaysia dan menjangkau tempoh lebih daripada seribu tahun.

Nadi Dialog Malaysia (NADI) telah menjalin kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menganjurkan Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara di Hotel Pullman, Putrajaya itu.

Konvensyen ini berhasrat menjelaskan kepada masyarakat bahawa tamadun dan pengaruh Islam telah lama bertapak di Malaysia, sejak seribu tahun dahulu.

Kehadiran Islam ke rantau ini telah memastikan umat Islam dan bukan Islam mendapat banyak faedah yang bertali arus daripada kesan pembangunan rohani dan jasmaninya yang sangat bermakna kepada negara kita.

Pegangan hidup yang berteraskan wahyu Ilahi yang dijelmakan dalam al-Quran dan Sunnah, telah menggantikan kepercayaan, kebudayaan dan sistem kehidupan yang ti-

dak berasaskan kepada ilmu dan kebenaran.

Malah, kehadiran Islam di Nusantara aminya dan Malaysia khususnya telah melahirkan masyarakat yang moderate berteraskan prinsip wasatiyyah atau kesederhanaan berlandaskan perpaduan dan keadilan.

Kemuncak manifestasi Islam berteraskan konsep wasatiyyah di Malaysia dapat dilihat menerusi pelaksanaan sistem yang berteraskan Islam dalam segenap aspek kehidupan seperti keagamaan, kemasyarakatan, politik, ekonomi, perundangan, pendidikan, kesenian, kebudayaan, perkembangan ilmu dan sebagainya dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

Konsep wasatiyyah juga dapat membina masyarakat berbilang kaum yang hidup bersama secara harmoni dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Orang bukan Islam bukan sahaja dibenarkan mempraktikkan agama mereka, malah bebas mengamalkan budaya dan adat resam mereka. Namun akhir-akhir ini, terdapat segelintir masyarakat yang mula mempertikaikan kedudukan Islam dalam masyarakat dan perannya dalam membina tamadun bangsa dan negara.

Jika dibicarakan, perkara ini bukan sahaja boleh menafikan sumbangan dan peranan Islam yang telah sekian lama berakar umbi dalam tradisi masyarakat di Nusantara, bahkan boleh mengancam kestabilan hubungan antara kaum yang sekian lama terjalin dengan baik.

Perdana Menteri telah melontarkan pandangannya di pentas antarabangsa meng-

nai wasatiyyah dan kesederhanaan agar dapat menanganis isu pelampau sehingga mengakibatkan pertumpahan darah yang membawa kepada kecederaan atau kematian.

Sejarah menyaksikan pembunuhan bekas Menteri Hal Ehwal Azhar, Mesir, Sheikh Dr. Mohd. Zahabi oleh sekumpulan pelampau Islam yang menggelarkan diri mereka sebagai al takfir wal Hijrah.

Kumpulan ini juga telah membunuh Presiden Mesir al-marhum Anwar Sadat di Mesir. Sekarang ini kumpulan pelampau wujud di Iraq, Afghanistan, Pakistan, malah telah sampai ke Malaysia menerusi jemaah Al-Maunah yang telah dibicarakan dan dijatuhi hukuman yang setimpal.

Konsep wasatiyyah atau konsep kesederhanaan adalah berbeza dengan Akidah Wasatiyyah kerana ia menjurus kepada penyelesaian konflik melalui perbincangan dan bukan melalui kekerasan yang boleh mencetuskan permusuhan antara agama dan bangsa.

Konsep wasatiyyah ini berteraskan ayat 143 surah al-Baqarah yang bermaksud: "Dan Kami jadikan kamu umat yang adil dan seimbang" (*And We made of you an Ummah justly balanced*).

Ayat ini mestilah diterjemah dan dilaksanakan oleh semua manusia melalui keadilan dan akhlak. Ayat 103 Surah Ali Imran pula mengesaya supaya umat Islam yang percaya kepada Allah bersatu padu (*be united*).

Konsep Wasatiyyah yang berasaskan kebenaran dan keadilan menjadikan pendakwah zaman silam saling menghormati pe-

ngan mazhab masing-masing, kerana mereka tahu sempadannya.

Tajuk wasatiyyah digabungkan dengan isu kedatangan Islam ke Nusantara dengan cara aman tanpa pertumpahan darah atau peperangan kerana agama Islam yang maha suci dibawa oleh pedagang Islam yang berpakaian dakwah.

Mereka tidak membawa pedang atau anak panah di atas kuda perang. Toleransi dan prinsip keadilan sosial yang dipraktikkan di negara ini adalah selaras dengan prinsip ajaran Islam dan berjaya membina masyarakat berbilang kaum yang hidup bersama secara harmoni dan hormat-menghormati antara satu dengan yang lain.

Justeru konvensyen ini diharapkan dapat mengembalikan lagi kesedaran akan pentingnya kedudukan Islam dalam segenap lapisan masyarakat di Malaysia yang telah bertapak di rantau ini sejak daripada seribu tahun yang lampau sehingga sekarang dan perannya dalam pembinaan masyarakat dan tamadun berteraskan konsep wasatiyyah.

Konsep wasatiyyah tidak boleh disamakan dengan fahaman kesederhanaan kerana ia boleh menjurus kepada keadaan selesa seperti tidak perlu rajin tetapi jangan pula terlalu malas sedangkan kita perlu kepada manusia yang rajin dan cemerlang.

Oleh itu, tidaklah boleh disamakan konsep Wasatiyyah itu dengan konsep kesederhanaan.

Bagi menghurai isu ini kepada masyarakat, terdapat keperluan kepada satu di-

alog akademik di peringkat kebangsaan yang melibatkan tokoh dalam negeri dan tokoh luar negara agar mereka dapat memberi pandangan dalam konvensyen yang direncanakan ini.

Antara objektif yang diharapkan daripada konvensyen ini adalah seperti berikut:

1. Untuk merakam dan menzahirkan sumbangan dan peranan Islam dalam pembinaan bangsa dan negara di Nusantara amnya dan di Malaysia khususnya sejak daripada satu milenium yang lampau.

2. Bertujuan menyuburkan dialog mengenai konsep wasatiyyah yang menjadi teras kepada perkembangan tamadun Islam di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

3. Untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang erat antara penduduk di Malaysia tanpa mengira kaum, bahasa, kebudayaan dan agama melalui jaringan intelektual dan ilmiah dalam kalangan institusi-institusi akademik, badan-badan kerajaan, organisasi-organisasi Islam dan dakwah, serta badan-badan NGO di negara ini agar dapat melebarkan semangat kerjasama untuk tujuan keamanan dan kemakmuran negara.

4. Sebagai usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara contoh di dunia Islam yang berteraskan konsep wasatiyyah, supaya dunia menjadi aman dan maju serta makmur.

PENULIS ialah Pengarah, Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Kedatangan Islam ke Nusantara.